

Kes HFMD Pahang meningkat 19 kali ganda

Asrol Awang
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Kuantan: Kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di Pahang meningkat 19 kali ganda sejak awal Januari sehingga kelmarin.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, berdasarkan statistik, sebanyak 4,555 kes iaitu peningkatan sebanyak 19 kali ganda berbanding hanya 239 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Bagaimanapun, katanya, sebanyak 92 kes HFMD dilaporkan bagi tempoh 26 Jun hingga kelmarin iaitu penurunan sebanyak 43 peratus dari minggu sebelumnya iaitu 160 kes.

"Daripada 4,555 kes, sebanyak 175 kes atau 3.9 peratus adalah kes yang dikenal pasti hasil daripada penularan yang berlaku di taska, tadika dan

prasekolah. Manakala, sebanyak 4,380 kes atau 96.1 peratus berlaku secara sporadik.

"Sehingga kelmarin, sebanyak 1,661 premis dilawati jumlah itu, 36 premis ditutup mengikut Akta Kawalan Penyakit Berjangkit 1988. Sementara itu empat pusat jagaan harian menutup premis mereka secara sukarela," katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Beliau berkata, kes HFMD banyak berlaku dalam kalangan kanak-kanak berusia hingga enam tahun sebanyak 4,058 kes (89.1 peratus), diikuti kumpulan usia 7 hingga 12 tahun sebanyak 417 kes (9.1 peratus), manakala 80 kes (1.8 peratus berlaku) dalam kalangan individu berusia lebih 12 tahun.

"Majoriti kes HFMD pulih tanpa rawatan dan hanya 109 kes atau 2.4 peratus yang dimasukkan ke hospital untuk pemantauan lanjut," katanya.

Disiarkan pada: Julai 4, 2022 @ 1:47pm